



NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF KEDAH DARUL AMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58  
No. 11

28hb Mei 2015

TAMBAHAN No. 5  
PERUNDANGAN

## K. P.U. 13.

### ENAKMEN PENDAFTARAN DAN PELESENAN PENULIS-PENULIS SURAT PERMOHONAN 1988

#### KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN DAN PELESENAN PENULIS-PENULIS SURAT PERMOHONAN 1990

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 11 Enakmen Pendaftaran dan Pelesenan Penulis-Penulis Surat Permohonan 1988 [K.P.U. 10], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat kaedah-kaedah yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

(1) Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Pendaftaran dan Pelesenan Penulis-Penulis Surat Permohonan (Pindaan) 2015.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa pada 1 Jun 2015.

#### **Pindaan seksyen 7**

7. Seksyen 7 Kaedah-Kaedah Pendaftaran dan Pelesenan Penulis-Penulis Surat Permohonan 1990 dipinda dengan memasukkan subkaedah baru berikut:

“(6) Walau apapun yang diperuntukkan di atas, dalam keadaan di mana mesyuarat tidak dapat diadakan, Lembaga Pelesenan boleh melalui edaran secara bertulis, mempertimbang dan meluluskan permohonan lesen penulis surat permohonan, tertakluk kepada persetujuan majoriti Lembaga Pelesenan.”.

Bertarikh 28 Mei 2015

[PSU(K) 1230-1381 Jld. 4; PUN(K) 100-1/1/1/2-4]

HAJI IQBAL BIN AHMAD  
Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Kedah Darul Aman

---

REGISTRATION AND LICENSING OF PETITION  
WRITERS ENACTMENT 1988

REGISTRATION AND LICENSING OF PETITION WRITERS RULES 1990

In exercise of the powers conferred under section 11 of the Registration and Licensing of Petition Writers Enactment 1988 [K.P.U. 10], the State Authority hereby makes the following Rules:

**Citation and commencement**

(1) These Rules may be cited as the Registration and Licensing of Petition Writers Rules (Amendment) 2015.

(2) These Rules shall come into operation on 1 June 2015.

**Amendment of section 7**

7. Section 7 of Registration and Licensing of Petition Writers Rules 1990 is amended by inserting the following new subrule:

“(6) Notwithstanding the above provisions, where meeting could not be convened, the Licensing Board may by way of circulation in writing, consider and approve, the licence application of majority approval of the Licensing Board.”.

Dated 28 May 2015  
[PSU(K) 1230-1381 Jld. 4; PUN(K) 100-1/1/1/2-4]

HAJI IQBAL BIN AHMAD  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Kedah Darul Aman*

**K. P.U. 14.**

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

[*Akta 172*]

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM)  
NEGERI KEDAH 1995 (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*], Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa untuk membuat kaedah-kaedah berikut, dan melalui seksyen 58 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama, pemakaian dan mula berkuat kuasa**

1. (1) Kaedah-Kaedah ini boleh dinamakan **Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Kedah 1995 (Pindaan) 2015.**

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2015.

(3) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi semua kawasan pihak berkuasa tempatan dalam Negeri Kedah.

### Pindaan Jadual Ketiga

2. Jadual Ketiga, Kaedah-Kaedah Pengawalan Perancangan (Am) Negeri Kedah 1995 [K.P.U. 3/1995] dipinda—

(i) dengan menggantikan Bahagian Satu dengan Bahagian baru seperti berikut:

Ruangan 1	Ruangan 2
Kategori	Fi
(1) Untuk mendirikan sebuah bangunan baru sama ada di atas tanah kosong atau menggantikan sebuah bangunan yang sedia ada di atas sesuatu tanah	
(a) Kediaman	
(i) Rumah kos rendah	RM30.00 seunit
(ii) Rumah banglo, berkembar, kluster, rumah bandar dan teres	RM45.00 seunit bagi 100 unit pertama RM40.00 seunit bagi 100 unit selepas itu RM35.00 seunit bagi lebih 200 unit
(iii) Rumah pangsa/apartment/kondominium/bangunan melebihi 3 tingkat	Bayaran sebagaimana dalam perenggan 1(a)(ii)
(b) Industri	
Mengikut ruang lantai bangunan industri	RM55.00 bagi setiap 100 meter persegi
(c) Perdagangan	
Mengikut ruang lantai bangunan perdagangan	RM50.00 bagi setiap 100 meter persegi
(d) Hotel/Rumah penginapan	
Mengikut ruang lantai bangunan hotel/rumah penginapan	RM50.00 bagi setiap 100 meter persegi

Ruangan 1	Ruangan 2
Kategori	Fi
(e) Rekreasi	
(i) Padang golf	RM250.00 bagi setiap hektar
(ii) Rumah kelab	RM55.00 bagi setiap 100 meter persegi
(iii) Kawasan taman tema	RM200.00 bagi setiap hektar
(iv) Futsal	RM500.00 satu permohonan
(v) Lain-lain kemudahan rekreasi swasta	RM500.00 satu permohonan
(f) Stesen minyak	RM1,000.00 satu permohonan
(g) Kemudahan masyarakat	
(i) Pendidikan dan institusi pengajian tinggi	RM1,000.00 satu permohonan
(ii) Tadika dan lain-lain	RM300.00 satu permohonan
(h) Infastruktur dan utiliti	
(i) Menara telekomunikasi	RM1,000.00 satu permohonan
(ii) Paip gas/minyak	RM50.00 bagi setiap 100 meter persegi
(iii) Ibusawat/bekalan elektrik	RM500.00 satu permohonan
(iv) Sistem pembentungan	RM500.00 satu permohonan
(v) Tapak/stesen transit sisa pepejal	RM500.00 satu permohonan

Ruangan 1	Ruangan 2
Kategori	Fi
(vi) Jajaran jalan/lebuhraya/ keretapi	RM50.00 setiap 100 meter persegi
(vii) Lain-Lain	RM500.00 satu permohonan
(i) Lain-Lain	
(i) Pelabuhan	RM1000.00 satu permohonan
(ii) Marina	RM1000.00 satu permohonan
(iii) Kubur/krematorium	RM200.00 bagi setiap hektar
(iv) Tempat letak kereta	RM2.00 bagi setiap petak
(v) Tempat letak kenderaan berat	RM5.00 bagi setiap petak
(j) Pembangunan bercampur	
Untuk pemajuan campuran yang terdiri dari tujuan kediaman dan bukan kediaman	Bayaran sebagaimana dalam perenggan 1(a) hingga 1(i)
(2) Untuk menjalankan tambahan/ pindaan ke atas sesuatu bangunan	
(a) Untuk tujuan kediaman	
(i) Untuk tambahan/ pindaan yang melibatkan ruang lantai	RM50.00 satu permohonan
(ii) Untuk tambahan/ pindaan yang tidak melibatkan ruang lantai	RM20.00 satu permohonan
(b) Untuk tujuan bukan kediaman	
(i) Untuk tambahan/pindaan yang melibatkan ruang lantai	RM55.00 setiap meter persegi

(ii) Untuk tambahan/pindaan yang tidak melibatkan ruang lantai	RM55.00 setiap meter persegi
(3) Untuk membuat perubahan material dalam penggunaan tanah	RM200.00 satu permohonan
(4) Untuk membuat perubahan material dalam penggunaan bangunan	RM200.00 satu permohonan
(5) Untuk penyatuan tanah	RM100.00 satu permohonan
(6) Untuk pecahan sempadan tanah (tidak termasuk plot-plot yang diserahkan untuk jalan, lorong belakang, simpanan parit-parit dan lain-lain tujuan awam)	RM10.00 satu plot
(7) Untuk pecahan sempadan tanah pertanian	RM50.00 bagi setiap sempadan

(ii) dengan menggantikan Bahagian Dua dengan Bahagian baru seperti berikut:

Ruangan 1	Ruangan 2
Kategori	Fi
1. Untuk mendirikan sebuah bangunan sama ada di atas tanah kosong atau menggantikan sebuah bangunan yang sedia ada di atas sebuah bangunan	50% daripada fi permohonan yang dikenakan bagi pelanjutan
2. Untuk membuat perubahan material dalam penggunaan tanah	
3. Untuk membuat perubahan material dalam penggunaan bangunan	
: dan	

(iii) dalam Bahagian Tiga dengan menggantikan dalam Ruangan 2 perkataan "sepuluh kali ganda" perkataan "dua puluh kali ganda".

Bertarikh 28 Mei 2015  
[JPBD/KA/10458-A/Jld. 2; PUN(K)/100-1/1/2-3(4)]

HAJI IQBAL BIN AHMAD  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Kedah Darul Aman*